

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 18 JULAI 2022, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1452-L15308
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan rakyat negara ini yang dikategorikan sebagai miskin tegar bagi tempoh 2020 hingga terkini 2022 dan nyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan rakyat negara ini serta nyatakan setakat manakah pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia sehingga kini.

2. PR-1452-L15811
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kenaikan kos sara hidup dan memastikan kestabilan harga barangan supaya kekal pada harga mampu milik kepada rakyat.

3. PR-1452-L15640
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program dan formula yang akan dirangka Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pengundi muda akan tanggungjawab mereka untuk keluar mengundi.

4. PR-1452-L15449
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk membolehkan WPKL bebas daripada banjir termasuk banjir kilat yang sering melanda bila hujan turun.

5. PR-1452-L16418
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam menangani masalah projek lambat siap yang disebabkan oleh kenaikan kos harga barang pembinaan yang melanda Malaysia dan seluruh dunia.
6. PR-1452-L16384
Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah susulan Perang Rusia-Ukraine yang telah berlaku sejak Februari lalu, apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membendung kesan secara tidak langsung khususnya kepada ekonomi akibat daripada perang tersebut dan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan rantau ini tidak akan terlibat secara langsung dalam mana-mana proksi yang akan memberi kesan buruk kepada negara.
7. PR-1452-L16454
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah hala tuju pengurusan banjir bagi meningkatkan daya tahan dan kesediaan negara untuk menghadapi impak perubahan iklim global ketika ini.
8. PR-1452-L16348
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan berkaitan dengan anti lompat parti akan dibentang, dan dibahas pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen ke-14.
9. PR-1452-L15541
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan unjuran harga minyak sawit mentah (MSM) dan buah tandan segar (BTS) sehingga Disember 2022 serta perancangan terkini Kementerian selepas kejatuhan hampir 30 peratus harga MSM iaitu yang tertinggi dalam tempoh 13 tahun menurut laporan *The Star* daripada RM6,632 kepada RM4,922 satu tan pada Jun 2022.
10. PR-1452-L16062
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) pelbagai jenis dan bilangan jenayah siber yang dilaporkan dan jumlah kerugian selama 2 tahun yang lalu; dan
 - (b) langkah-langkah untuk menangani kenaikan jenayah siber oleh Agensi Keselamatan Siber Negara.

11. PR-1452-L15534
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah usaha Kementerian dalam meneliti aspek kualiti jalan di Malaysia yang dilihat mempunyai banyak masalah seperti berlubang, tidak rata dan tampalan tidak sempurna; dan
 - (b) sejauh manakah Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap standard turapan jalan.
12. PR-1452-L16487
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa nilai pelaburan sama ada dari syarikat antarabangsa atau tempatan dalam sektor pembuatan kenderaan elektrik (EV) dan apakah inisiatif khusus yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan berbanding Indonesia dan Singapura dalam persaingan menarik pelaburan berkaitan industri EV.
13. PR-1452-L15430
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk membina Hospital Angkatan Tentera di wilayah utara Malaysia dan jika ada bilakah ia akan dilaksanakan.
14. PR-1452-L16057
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tidakkah Kerajaan mempunyai dasar untuk mengekalkan kependudukan masyarakat Melayu dalam perumahan yang selesa di Bandaraya Kuala Lumpur. Tidakkah lebih wajar penduduk di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru dikekalkan di situ tetapi dengan perumahan mampu milik yang lebih sesuai dengan persekitaran bandaraya.
15. PR-1452-L16547
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang peranan yang dimainkan oleh TERAJU dalam memastikan kesemua program pembangunan yang digariskan di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

16. PR-1452-L15470
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan jumlah peratus saham yang dimiliki oleh EKUINAS di semua 15 buah syarikat masing-masing yang dimiliki serta jumlah keuntungan atau kerugian tahun semasa bagi setiap syarikat yang dimiliki.
17. PR-1452-L15465
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula perihal mensabitkan cubaan membunuh diri sebagai satu kesalahan jenayah yang mana sepatutnya mereka ini diberikan rawatan rehabilitasi atau kaunseling berbanding dengan diklasifikasikan seperti penjenayah.
18. PR-1452-L16213
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos keseluruhan bagi kempen "Keluarga Malaysia" termasuk kos perunding, acara, percetakan, pembelian iklan serta lain-lain kos yang berkaitan.
19. PR-1452-L16354
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi kejadian banjir kilat yang semakin kerap berlaku ini; dan
 - (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan jangka panjang untuk mendalam, menaik taraf dan membaik pulih sistem pengurusan banjir terutamanya di semua sungai di seluruh negara terutamanya di Lembangan Sungai Rajang dan Lembangan Sungai Batang Igan di Sibu, Sarawak yang sering dilanda banjir.
20. PR-1452-L15564
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menarik pelaburan dalam *data center* dan menjadikan Malaysia *Data Hub* Asia Tenggara.
21. PR-1452-L15488
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf Jalan Simpang Bakun menuju ke Empangan Bakun.

22. PR-1452-L16279
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen terhadap penambahbaikan pentadbiran Jemaah Menteri yang tidak komited dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dalam soal kebajikan rakyat.
23. PR-1452-L16521
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk menyediakan akses mudah di setiap lebuh raya seperti pusingan U bagi memudahkan pasukan penyelamat dan perubatan sampai di tempat kemalangan lebuh raya dengan lebih pantas.
24. PR-1452-L16061
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapa Malaysia harus diheret ke kancha saingan antara Amerika Syarikat dan NATO dengan Rusia sehingga menjejaskan dagangan kita dengan negara-negara lain. Kenapa kepentingan Malaysia sebagai negara berdaulat harus diketepikan atas tekanan kuasa barat.
25. PR-1452-L16104
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana wakaf pertanian di Malaysia yang telah diusahakan secara besar-besaran dapat menjamin sekuriti makanan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.
26. PR-1452-L16583
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah status terkini projek penanaman satu juta pokok jenis hutan di Sabah di bawah Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF). Apakah jadual masa (*time line*) Kementerian untuk mencapai sasaran menanam satu juta pokok dalam tempoh 10 tahun sejak projek ini diumumkan pada 2019.
27. PR-1452-L16082
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan Kerajaan sejak ia ditubuhkan pada tahun 2018.

28. PR-1452-L16017
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan-kesan Perang Rusia-Ukraine ke atas ekonomi Malaysia. Apakah strategi Malaysia untuk mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi negara dan sebaliknya mendapatkan kesan positif dari konflik itu.
29. PR-1452-L16248
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan bagi pembaikan dan penyelenggaraan jalan utama ke Gugusan Adela (Felda Sening, Felda Tunggal, Felda Kledang dan Felda Adela).
30. PR-1452-L16131
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk memenuhi komitmen Kerajaan bagi mengurangkan intensiti gas rumah hijau sehingga 45 peratus kepada keluaran negara kasar pada tahun 2030.
31. PR-1452-L15850
Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah status terkini 10 lokasi yang dikenal pasti oleh pihak Kementerian untuk pelaksanaan Projek Getah Untuk Pribumi 2.0 (GUP).
32. PR-1452-L16584
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan kaum penjawat awam secara keseluruhan dan juga pecahan kaum dalam Gred JUSA dan TURUS. Apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan perkhidmatan awam membayangkan komposisi etnik negara kita demi menunaikan slogan "Keluarga Malaysia".
33. PR-1452-L16377
Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perkembangan terkini usaha Kementerian dalam menangani banjir besar yang melanda Lembah Klang khususnya di penghujung tahun lalu sehingga membawa kematian dan kemusnahan harta benda yang sangat besar.

34. PR-1452-L16481
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara teliti apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil segera untuk meningkatkan daya saing negara di dunia yang kini sudah jatuh dari nombor ke-26 hingga nombor ke-32 mengikut laporan IWD, merupakan satu kemerosotan yang paling parah dalam sejarah negara.
35. PR-1452-L15527
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembangunan wakaf negara, sejauh mana institusi wakaf di negara ini berfungsi mengikut ketetapan yang telah diputuskan, bagaimana harta wakaf dimanfaatkan dalam meningkatkan ekonomi umat Islam dan apakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Lembaga Wakaf Negara.
36. PR-1452-L16239
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan Akta Pengambilan Tanah digunakan untuk projek pembinaan swasta seperti dalam kes Kampung Sungai Baru.
37. PR-1452-L16112
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan holistik meningkatkan kedudukan mahkamah syariah selepas penubuhan semula Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah (JKMMS).
38. PR-1452-L16430
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sama ada benar ada negeri yang memfatwakan apa yang dikenali sebagai Amanat Haji Hadi di Banggol Peradong sebagai sesat dan nyatakan negeri-negeri tersebut; dan
 - (b) adakah benar fatwa sedemikian telah dikeluarkan daripada portal fatwa JAKIM.
39. PR-1452-L16128
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan persediaan pelan jangka panjang KASA dalam menghadapi kemarau yang dijangka berlaku pada 2025 bagi memastikan bekalan air tidak terjejas khususnya negeri Kelantan yang tidak mempunyai empangan dan takungan rizab air.

40. PR-1452-L15300
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah kemajuan Kerajaan Persekutuan dalam kawal selia perniagaan karbon (*Carbon Trading*) dan sama ada Kementerian akan menetapkan polisi moratorium kepada Kerajaan Negeri supaya mereka tidak melaksanakan skim perniagaan karbon sementara rangka undang-undang Persekutuan siap.
41. PR-1452-L16567
Tan Sri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam melaksanakan kajian dan projek tebatan banjir di daerah Besut, khasnya berkaitan di Mukim Bukit Puteri, Kuala Besut.
42. PR-1452-L16424
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah projek pembangunan infrastruktur baru bagi negeri Sarawak dalam RMK-12 dan sejauh manakah pelaksanaannya.
43. PR-1452-L15306
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) statistik dari segi kelulusan, penolakan dan sedang diproses untuk bantuan khas kematian COVID-19 di bawah NADMA dan jumlah yang telah disalurkan; dan
 - (b) mengapa berlaku kelewatan pembayaran bantuan khas dan begitu banyak kes tertunggak yang belum dibayar.
44. PR-1452-L15600
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk mendalamkan alur dan muara sungai, terutama di Pulau Brait, yang semakin cetek dan terhad disebabkan masalah pemendapan. Pemendapan di sungai-sungai ini menyebabkan muara dan alur semakin cetek menyukarkan bot-bot nelayan keluar masuk sungai.
45. PR-1452-L15822
Tuan Jugah anak Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah bantuan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman kepada golongan penternak atau pekebun kecil persendirian dari pelbagai sektor komoditi khususnya di luar bandar.

46. PR-1452-L15655
Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof [Alor Gajah] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan SOP atau memperhalusi langkah strategik bagi menggalakkan inisiatif *Carbon Trading*.
47. PR-1452-L15368
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Jawatankuasa *Reform Undang-Undang (The Law Reform Committee)* kepada Suruhanjaya *Reform Undang-Undang (Law Reform Commission)* untuk mengkaji dan menyemak undang-undang yang telah usang dan lapuk yang tidak lagi bersesuaian dengan keadaan sekarang.
48. PR-1452-L15631
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bagi Pakej 9 (Serusup Tuaran ke Pituru Kota Belud) ditender dan bila tarikh mula kerja memandangkan projek ini sudah diluluskan dalam Bajet 2021.
49. PR-1452-L16023
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tentang masalah tenaga buruh di industri sawit. Berapa jumlah buruh yang masih kekurangan pada waktu ini. Berapa nilai buah sawit yang rosak tidak dapat dipetik kerana tiada tenaga buruh dalam tempoh setahun ini. Apakah langkah-langkah penyelesaian masalah ini yang telah diambil.
50. PR-1452-L16540
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan Jawatankuasa Khas Siasatan Kes Kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.
51. PR-1452-L15657
Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan di dalam memastikan lebih banyak usahawan Bumiputera untuk terlibat di dalam ekonomi kritikal dan bernilai tinggi.
52. PR-1452-L15593
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat miskin mengikut daerah di Sarawak amnya. Nyatakan statistik perkara yang sama mengikut etnik di kawasan Parlimen Baram khasnya.

53. PR-1452-L15772
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan sesi libat urus atau mesyuarat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dengan parti-parti politik untuk tahun 2020-2022 (disenaraikan tarikh, parti politik dan isu dibincangkan untuk setiap sesi); dan
 - (b) pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh SPR untuk menambah baik proses pilihan raya Malaysia.
54. PR-1452-L15410
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana MAMPU memberi perhatian dan tindakan terhadap usaha untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Kerajaan memandangkan aduan dan rungutan orang ramai mengenai kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan masih diterima terutamanya yang melibatkan perkhidmatan barisan hadapan.
55. PR-1452-L16325
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mencadangkan perluasan konsep bekerja dari rumah (*Work From Home*) bagi sektor awam dan swasta sejajar dengan pengalaman semasa pandemik COVID-19.
56. PR-1452-L15852
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk membasmi isu kemiskinan tegar di Malaysia khususnya di negeri Sarawak.
57. PR-1452-L15990
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan untuk merombak mekanisme sedia ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertindak secara reaktif memulakan siasatan dan tindakan lanjut setelah aduan dilakukan kepada tindakan secara proaktif termasuk memantau pengakuan perlakuan rasuah melalui maklumat oleh Jabatan Peguam Negara.
58. PR-1452-L15331
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini Loji Rawatan Air Langat 2, Fasa I. Adakah Loji Rawatan Air Langat 2, Fasa II di beri laluan untuk diteruskan. Jika ya, bila dan berapa lama dijangka untuk diusahakan.

59. PR-1452-L15944
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nisbah pendapatan di antara gaji dan elaun tertinggi dengan gaji dan elaun terendah dalam syarikat yang sekurang-kurangnya 50% milik Kerajaan.
60. PR-1452-L15884
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap pengembalian Akta Perkhidmatan Parlimen di Malaysia.
61. PR-1452-L16000
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan tindakan Kementerian terhadap salah laku dan pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kelewatan besar penyediaan Kapal Tempur Pesisir Pantai (LCS).
62. PR-1452-L16123
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pelan komprehensif Kementerian dalam meningkatkan daya tahan dan kesediaan negara menghadapi impak perubahan iklim dan adakah Kerajaan bersedia untuk menambah peruntukan tahunan bagi tujuan ini.
63. PR-1452-L15502
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan kenyataan Menteri Kanan Pertahanan dan disokong oleh Panglima ATM dan Panglima Tentera Darat sebagai menampung kos sara hidup tentera yang sedang bertugas satu projek kebun-kebun sayur akan diwujudkan di dalam kem. Adakah efisien dan logik anggota tentera untuk menguruskan kebun-kebun sayur.
64. PR-1452-L15708
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor penghalang pelaksanaan sepenuhnya Perjanjian Pembentukan Malaysia 1963 setelah 59 tahun berlalu.

65. PR-1452-L15666
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada adalah benar Menteri Kesihatan hanya boleh melantik pegawai-pegawai yang ada kaitan dengan kesihatan untuk menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Jangkitan 1998 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta tersebut termasuk Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Jangkitan (Kawalan Pergerakan) dan bukan pegawai polis atau pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
66. PR-1452-L16066
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan yang dilaksanakan selepas keputusan hakim inkues Puan Rasyihan Gazali pada 31 Mei 2022 bahawa pembunuhan pada 14 September 2019, mendiang-mendiang S. Mahendran, G. Thavaselvan (kedua-dua warga Malaysia) dan abang ipar Thavaselvan iaitu Vijayaratnam (warga Sri Lanka) oleh anggota PDRM adalah satu penyalahgunaan kuasa dan melibatkan tindakan bersifat jenayah.
67. PR-1452-L15444
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan rancangan pelebaran, naik taraf jalan-jalan Persekutuan sedia ada dan membina lebuh raya baharu (sekiranya ada) bagi mengurai kesesakan trafik di Seberang Perai Selatan terutamanya kawasan Batu Kawan dan juga Teluk Kumbar di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
68. PR-1452-L16164
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perincian bilangan, nama, skop kerja, nilai dan tarikh mula Projek Tebatan Banjir yang akan dilaksanakan di Sabah menggunakan peruntukan RM15 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada Mac 2022 dan sama ada projek yang akan dilaksanakan itu adalah yang sedia ada atau projek baru.
69. PR-1452-L15887
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membendung gejala penyelewengan agama serta ajaran sesat yang semakin berleluasa dalam negara pada ketika ini.

70. PR-1452-L15649
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk mewujudkan 24 Bit Hotspot Banjir di Kuala Lumpur, objektif, jumlah keseluruhan pegawai dan agensi yang terlibat serta keberkesanan bit tersebut.
71. PR-1452-L16414
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengklasifikasi semula golongan pendapatan rakyat Malaysia memandangkan ramai dalam golongan M40 pada hakikatnya telah mengalami beban kehidupan yang amat susah selepas pandemik COVID-19. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membantu golongan M40 yang selalunya tidak mendapat manfaat daripada bantuan Kerajaan.
72. PR-1452-L16534
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan SPAN dalam menetapkan KPI yang perlu dipatuhi dan dicapai oleh operator air supaya rizab margin bekalan air berada di antara 10% sehingga 15% bagi semua negeri bagi memastikan keseimbangan bekalan dan permintaan air.
73. PR-1452-L16173
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Kerajaan Persekutuan akan memansuhkan Akta Wilayah Laut 2012 dan mengembalikan Pengurusan dan Kedaulatan Hak Benua Kepada Wilayah Sabah.
74. PR-1452-L15786
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perkembangan terkini tentang pengumuman beliau untuk mendirikan kebun sayur di setiap kem.
75. PR-1452-L15913
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kemajuan projek “Sungai Denai Kebangsaan” setakat akhir Jun 2022 termasuk bilangan sungai di mana program ini telah dilancarkan dan bilangan kilometer laluan berjoging dan berbasikal yang telah dipasang sebagai sebahagian daripada program ini.

76. PR-1452-L15552
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pindaan undang-undang berkenaan *carbon storage* dan *carbon stocks* yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak baru-baru ini selari dengan komitmen pengeluaran karbon negara.
77. PR-1452-L15452
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan butir-butir pelaburan baru sepanjang 2020-2022 atas inisiatif Kerajaan.
78. PR-1452-L16493
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah inisiatif tambahan untuk membantu veteran tentera, khususnya yang tidak berpencen untuk meneruskan kelangsungan hidup.
79. PR-1452-L15866
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan Persekutuan dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Tol Juru dan di sekitar kawasan Parlimen Batu Kawan, termasuk kawasan Perindustrian Batu Kawan, Penang Science Park, kawasan Perindustrian Bukit Minyak dan kawasan-kawasan *hotspot* yang lain di Parlimen Batu Kawan yang di bawah penyenggaraan Kerajaan Persekutuan.
80. PR-1452-L15910
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan peratus bayaran tol Lebuhraya PLUS yang sedang dilakukan menggunakan RFID pada bulan Januari, Februari, Mac, April, Mei dan Jun 2022 dan apakah sasaran pada penghujung tahun 2022.
81. PR-1452-L15321
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini perancangan pembinaan empangan pelbagai fungsi di lokasi Jalan Gudang 4 Tawau di bawah Projek Skim Bekalan Air Tawau Fasa III Reka bentuk dan Pembinaan Empangan Air Tawau. Projek empangan ini telah dilancarkan semenjak 2017 dan sangat diperlukan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di seluruh kawasan Parlimen Tawau dan Parlimen Kalabakan.

82. PR-1452-L16161

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan berkenaan penyelarasan takrif air di Malaysia yang terkini meliputi aspek, negeri-negeri yang telah melaksanakannya dan negeri-negeri yang belum melaksanakannya serta cara pelaksanaan, tanggungjawab Kerajaan Negeri dan tanggungjawab Kerajaan Pusat, pengiraan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat serta aset-aset negeri yang ada, jelaskan dengan terperinci.

83. PR-1452-L16155

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan dalam tahun ini telah berlaku kejadian kerosakan 2 tapak jambatan di sepanjang jalan Tras ke bandar Raub (jalan lama Bentong ke Raub) serta kemalangan kenderaan berlaku. Apakah pihak Kementerian berhasrat untuk membuat pemantauan atau pemeriksaan ke atas semua jambatan lama yang ada di Parlimen Raub bahawa ianya selamat dan boleh bertahan jika tiang-tiang jambatan ini dilalui oleh arus sungai yang semakin laju /deras apabila hujan lebat melanda.

84. PR-1452-L15347

Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Pelan Tindakan Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menurunkan kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak yang masih merupakan antara yang termiskin di negara ini.

85. PR-1452-L15354

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan banjir kilat tidak terjadi setiap kali hujan lebat. Banjir yang terlalu kerap berlaku telah menjejaskan imej negara dan wujud persepsi Kerajaan terlalu lemah dan tidak punyai idea untuk mentadbir sebuah bandar raya yang begitu kecil.

86. PR-1452-L15964

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci jangkakan sumbangan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, kutipan cukai dan pembayaran royalti minyak bagi tahun 2022.

87. PR-1452-L15936
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian terhadap pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC).
88. PR-1452-L15800
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa kadar daya saing Malaysia dalam World Competitiveness Ranking 2022 yang diterbitkan International Institute for Management Development jatuh tujuh anak tangga berbanding dengan kedudukan tahun lepas. Apakah kesan kejatuhan kedudukan ini kepada ekonomi negara.
89. PR-1452-L16225
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan melaksanakan sistem *barter trade* antara negara-negara pengeluar seperti minyak sawit ditukar kepada jagung dan gandum.
90. PR-1452-L15369
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kewangan yang membimbangkan agensi-agensi seperti Tabung Haji, FELDA, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) yang menyebabkan pulangan skim-skim amanah saham tajaan mereka semakin merosot. Adakah ini bermakna sistem pembahagian kekayaan yang lebih adil kepada rakyat tidak akan tercapai berpunca dari kelemahan ekonomi Malaysia.
91. PR-1452-L15749
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan arahan yang jelas kepada semua perwakilan Malaysia di luar negara dapat disalurkan dengan maklumat yang tepat dan terkini mengenai proses pendaftaran kelahiran, perkahwinan dan kewarganegaraan.
92. PR-1452-L15814
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana keluhan dan rintihan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama melibatkan penyelarasan pencen serta pemberian pencen kepada veteran yang tidak menerima pencen dapat dilaksanakan dan apakah tindakan segera oleh Kerajaan.

93. PR-1452-L16597
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan berapa peratus projek RMK 12 yang dilaksanakan secara rundingan terus, tender terhad dan tender terbuka.
94. PR-1452-L16304
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah akta dan peraturan yang boleh dikuatkuasakan mengenai penyalahgunaan jata negara, lambang PDRM serta agensi-agensi keselamatan lain yang digunakan oleh orang awam secara sewenang-wenangnya.
95. PR-1452-L15365
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berikutan pendedahan yang dibuat oleh wakil Ultra Kirana Sdn. Bhd. (UKSB) semasa perbicaraan kes rasuah melibatkan Yang Berhormat Bagan Datuk.
96. PR-1452-L16275
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian berkenaan membenarkan pelarian yang diiktiraf oleh UNHCR untuk bekerja secara sah supaya mereka dapat menyumbang secara bermakna kepada ekonomi Malaysia memandangkan kita sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja yang teruk.
97. PR-1452-L15341
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengawal harga bahan mentah dan binaan untuk proses pembinaan.
98. PR-1452-L16494
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes permohonan perceraian yang masih tertunda di mahkamah melebihi satu tahun. Apakah alasan kes-kes ini tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan apakah tindakan yang diambil bagi mempermudah dan mempercepatkan proses ini.
99. PR-1452-L15697
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah persiapan Kementerian untuk menjalankan konservasi air daripada tercemar oleh industri dan perladangan serta adakah Malaysia terdedah dengan krisis bekalan air pada masa akan datang.

100. PR-1452-L15817

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan tambahan bagi projek jambatan konkrit yang menghubungkan Klinik Kesihatan Nanga Kesit.

101. PR-1452-L15671

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keputusan Kerajaan kepada permohonan oleh pengusaha-pengusaha ladang hutan supaya kerugian terkumpul mereka boleh dibawa ke depan tanpa had masa kerana balak yang dihasilkan memakan masa biasanya lebih daripada 15 tahun.

102. PR-1452-L16138

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan insentif bantuan bayaran sewa premis milik Perbadanan Labuan.

103. PR-1452-L16468

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk-bentuk hukuman yang sedia ada yang boleh menggantikan hukuman mati mandatori yang telah diumumkan akan dimansuhkan baru-baru ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Memilih Timbalan Yang di-Pertua.**
2. (D.R 1/2022) Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Tenaga dan Sumber Asli]
3. (D.R 21/2021) Rang Undang-Undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 “
[Menteri Dalam Negeri]
4. (D.R 19/2021) Rang Undang-Undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2021 “
[Menteri Dalam Negeri]
5. (D.R 3/2022) Rang Undang-Undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 “
[Perdana Menteri]
6. (D.R 8/2022) Rang Undang-Undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 “
[Menteri Pertanian dan Industri Makanan]
7. (D.R 18/2021) Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021 “
[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
8. (D.R 2/2022) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2022 “
[Menteri Kesihatan]
9. (D.R 12/2022) Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2022. “
(Menteri Sumber Manusia)
10. (D.R 10/2022) Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022. “
(Menteri Sumber Manusia)

11. (D.R 11/2022) Rang Undang-Undang Sistem Insurans **Bacaan Kali
Pekerjaan (Pindaan) 2022. Yang Kedua**
(Menteri Sumber Manusia)
12. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas “
Tatakelakuan Polis 2020
[Menteri Dalam Negeri]
13. (D.R 20/2021) Rang Undang-Undang Pencegahan dan “
Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan)
2021.
[Menteri Kesihatan]
14. (D.R 15/2022) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 -
**Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa
Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua
sekarang”. [11 April 2022]**

DAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan mengenai Peruntukan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar akan mencadangkan:-

“BAHAWA Penyata yang disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 11 April 2022 untuk mengkaji Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR 7 Tahun 2022, diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60.”

15. PR-1452-U(27)210

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa berdasarkan laporan Wall Street Journal, Malaysia telah dilaporkan sebagai negara yang paling korup untuk berniaga di dunia. Laporan media antarabangsa seperti ini telah menjejaskan imej negara dan jika najis rasuah tidak dihapuskan ia bakal menghancurkan masa depan bangsa dan negara. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya kerajaan mewujudkan sistem "*National Ombudsman*" yang berkecuali supaya menyiasat sebarang laporan salah laku, penyelewengan dan salahguna kuasa oleh mana-mana agensi kerajaan demi memulihkan imej negara dan menjaga integriti sistem perkhidmatan awam yang merupakan tunjang pembangunan negara."

[Perdana Menteri]

16. PR-1452-U(27)211

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut laporan "*World population review, crime rate by country 2022*", Malaysia telah dilaporkan menduduki tangga keempat paling sebanyak 57.29 kes diantara 100,000 orang. Laporan di atas telah menjejaskan imej negara dan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap pentadbiran kerajaan. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas Membanteras Jenayah diwujudkan segera untuk mengkaji dan mengambil tindakan menyeluruh untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta rakyat serta memulihkan imej negara di pesada dunia."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1452-U(27)212

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa baru-baru ini, kadar inflasi dan kenaikan harga barang semakin memberi tekanan kepada kehidupan rakyat jelata. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya satu pelan tindakan produktiviti negara, (National Productivity Plan) perlu disediakan supaya kadar produktiviti makanan, tanaman dan ternakan dalam negara ini mencapai tahap "self-sufficient", memperbaiki kedudukan negara dalam World Food Security Index yang sudah jatuh ke tangga-44 dan tidak lagi bergantung kepada makanan import yang kini sudah mencecah jumlah wang RM55.5 bilion setahun."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

18. PR-1452-U(27)213

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengambil maklum bahawa kedudukan negara dalam World Transparency Index telah merosot dari tangga ke-51 pada tahun 2019 ke tangga-62 pada tahun 2021, demi mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, telus dan berintegriti, Dewan Rakyat dengan ini hendaklah meluluskan satu usul supaya Suruhanjaya Pembanterasan Rasuah Malaysia (SPRM) diletak di bawah Parlimen dan dipertanggungjawab terhadap Dewan Rakyat mulai tahun 2023."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 7	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti	18 Julai 2022
ST. 82	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983	18 Julai 2022

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 18.07.2022 (Isnin)	1. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	1. Kementerian Alam Sekitar dan Air Untuk Menjelaskan Komitmen Dalam Perubahan Iklim	1. YB Menteri Alam Sekitar dan Air
2. 18.07.2022 (Isnin)	2. YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	2. Masalah Banjir Di Tebing Sg Linggi, Sg Batang Labu dan Sg Jijan	2. YB Menteri Alam Sekitar dan Air

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**